

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 6 TAHUN 2024**

Tarikh : 27 Jun 2024 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi – 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JUN 2024

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Jun 2024 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN TIMBALAN DATUK BANDAR

Timbalan Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang keenam bagi tahun 2024. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Timbalan Datuk Bandar berkongsi amanat yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Sekitar Majlis Perjumpaan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri bagi bulan Jun pada 10 Jun 2024 bertempat Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri menekankan mengenai kepentingan amal soleh serta pegangan agama dan ibadah dalam amalan kerja seharian penjawat awam.

YAB Perdana Menteri menyeru semua penjawat awam mengaplikasi kesan ibadah haji dalam pekerjaan yang membawa banyak manfaat dan kebaikan kepada semua. Penjawat awam seharusnya menyempurnakan tugas dengan baik dan amanah, serta menghentikan segala kecurangan rasuah. Beliau menegaskan gejala rasuah seharusnya ditentang sekeras-kerasnya dan menjadi cerminan kepada ajaran agama Islam yang suci dan bersih dari kemungkaran.

Peringatan berkenaan integriti ini ditekankan kerana rasuah masih berlaku di sesetengah peringkat, walaupun badan penguatkuasa

telah mengambil usaha yang maksimum. YAB Perdana Menteri menggesa ketua jabatan dan ketua unit untuk mengambil tanggungjawab memantau dan melaporkan segera sebarang perbuatan rasuah dalam kalangan pegawai masing-masing.

Semoga segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan melahirkan penjawat awam yang lebih tulus dan cemerlang dalam perkhidmatan awam sekaligus menjadikan negara ini bersih daripada rasuah.

- ii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menyediakan Senarai Nilai Baharu selaras dengan peruntukan Seksyen 137, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang menyebut bahawa Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menyediakan nilai baharu bagi setiap 5 tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Senarai Nilai sedia ada telah berkuatkuasa sejak tahun 1992 dan 1996. Semakan semula nilai perlu dilakukan untuk mengimbangi pendapatan dan perbelanjaan pengurusan serta perkhidmatan Majlis yang semakin meningkat serta bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Majlis kepada penduduk setempat.

Notis mengenai nilai baharu MBSJ telah diwartakan melalui Warta Kerajaan No. 24, Jilid 77 bertarikh 13 Jun 2024.

Pemberitahuan warta ini telah disiarkan di dalam dua akhbar tempatan iaitu Berita Harian dan New Straits Times pada 13 Jun 2024. Sebanyak 326,646 Notis Senarai Nilai Baru telah dicetak dan dihantar kepada pihak Pos Malaysia Berhad bermula 21 Jun 2024 untuk urusan pengeposan kepada pemilik hartanah bagi memaklumkan tentang Cukai Taksiran baru yang akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2025.

Pemilik harta yang menerima Notis Senarai Nilai Baru boleh membuat semakan senarai nilai untuk menyemak nama, alamat harta, alamat surat menyurat dan jumlah Cukai Taksiran yang baru di kaunter semakan bertempat di Laman Kenanga, Aras 1, Bangunan MBSJ bermula 27 Jun 2024 sehingga 2 Ogos 2024. Pemilik yang terkilan dengan nilai Cukai Taksiran yang akan dikuatkuasakan atas mana-mana alasan yang berikut, iaitu:

- a. Bahawa sesuatu pegangan yang baginya ia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
- b. Bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
- c. Bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam senarai nilai itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- d. Bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau

- e. Bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersesama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain;

boleh mengemukakan bantahan bertulis kepada pihak Majlis secara atas talian melalui laman web MBSJ di www.mbsj.gov.my di pautan Bantahan ERV Semakan Semula Senarai Nilai Baharu sebelum atau selewat-lewatnya pada 2 Ogos 2024. Segala bantahan akan disiasat dan pemilik harta yang membuat bantahan akan diberi peluang untuk didengar dalam Mesyuarat Pendengaran Bantahan yang akan diadakan pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

- iii) Seterusnya Timbalan Datuk Bandar memaklumkan berikutan penularan di media sosial dan media cetak berkenaan aduan pencemaran air dan bau serta tambakan sampah haram di kawasan Bukit Serdang 5 Seri Kembangan, Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam tindakan mendakwa pemilik tanah dan operator yang didakwa melakukan kesalahan tersebut.

Operator yang disyaki menjalankan tambakan sampah haram tersebut berhadapan dengan pertuduhan-pertuduhan seperti berikut:

- a. 1 pertuduhan di bawah Seksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);

- b. 2 pertuduhan di bawah Seksyen 18(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172); dan
- c. 2 pertuduhan di bawah Seksyen 70A(9) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Pada 14 Mei 2024, operator dan peguam bela yang mewakili operator telah gagal menghadiri sebutan kes dan waran tangkap telah dikeluarkan. Majlis akan melaksanakan tangkapan terhadap operator tersebut di dalam masa yang terdekat.

Majlis Bandaraya Subang Jaya juga dalam proses untuk mendapatkan Injunksi terhadap lapan (8) pemilik lot tanah dan juga operator agar pencemaran atau kacau ganggu udara, air serta tanah yang berlaku di kawasan Bukit Serdang 5, Seri Kembangan dapat dihentikan serta merta.

Terdahulu, dua orang pemilik tanah telah mengaku bersalah dan telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM 4,000.00 setiap seorang. Pihak Majlis amat memandang serius tindakan tidak bertanggungjawab operator dan pemilik tanah yang telah membuat tambahan sampah secara haram sehingga menimbulkan kacau ganggu yang serius kepada masyarakat setempat.

Pihak Majlis tidak akan berkompromi terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan kacau ganggu khususnya pembuangan sampah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar. Pemilik

tanah juga tidak akan terlepas daripada tindakan mahkamah dan akan sama-sama bertanggungjawab terhadap apa-apa aktiviti haram dan pembuangan sampah yang dilakukan di atas tanah mereka.

- iv) Seterusnya, Timbalan Datuk Bandar berkongsi berkenaan perasmian Hotel Kompleks 3K, Subang Jaya. Bangunan Hotel Kompleks 3k, Subang Jaya adalah merupakan aset Majlis Bandaraya Subang Jaya, sejak terbinanya pada tahun 2002.

Berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil 8/2023, bertarikh 22 Ogos 2023, Bangunan Hotel Kompleks 3K, Subang Jaya telah dipajakkan kepada Persatuan Bola Sepak Selangor bagi tempoh 3+3+3 tahun bermula pada 1 April 2024 sehingga 31 Mac 2033.

Hotel ini juga telah dijenamakan dengan nama baharu iaitu Hotel Tanjong yang dilengkapi dengan 40 bilik hotel, gimnasium dan kafeteria. Majlis Perasmian Hotel Tanjong akan disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor merangkap Presiden Persatuan Bolasepak Selangor pada 30 Jun 2024 (Ahad).

- v) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-25 tahun 2024, kawasan MBSJ telah mencatatkan sebanyak 5,303

kes positif demam denggi. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 35.6% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di tahun 2023 iaitu sebanyak 3,910 kes.

Pada minggu epid ke-25 ini juga, sebanyak 11 lokaliti hotspot telah dilaporkan. Kawalan dan pencegahan demam denggi telah dilaksanakan seperti pemeriksaan tempat pembiakan, *larvaciding* dan pengwasapan. Pendidikan tentang kesedaran demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi.

Majlis menyarankan penduduk untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit dan gotong royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan. Sekiranya terdapat gejala demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di klinik-klinik dan hospital terdekat.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 5/2024

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 30 Mei 2024 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 5/2024

Tiada maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 30 Mei 2024 (Khamis).

6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 10 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Encik Khairol Basri bin M.Arif	-	<p>Beliau mencadangkan supaya MBSJ membuat penambahbaikan dan kesiapsiagaan dengan menyediakan <i>mobile pump</i> sebagai pelan kontigensi menghadapi isu banjir.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kejuruteraan untuk meneliti dan mengkaji cadangan ini.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 10 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.1 & m/s 2	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Pembentangan Cadangan Peta Pelancongan MBSJ oleh Jabatan Perancangan Bandar	<p>Beliau mencadangkan supaya reka bentuk peta pelancongan MBSJ diserahkan kepada semua Ahli Majlis bagi tujuan semakan lokasi pelancongan di kawasan masing-masing.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan menyerahkan reka bentuk peta pelancongan MBSJ kepada semua Ahli Majlis bagi memastikan lokasi pelancongan di setiap MPP dimasukkan.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Perancangan Bandar</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				/ Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2024 bertarikh 28 Mei 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2024 bertarikh 11 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 10 & m/s 3	Puan Lee Jen Uyin	Permohonan Kebenaran Merancang – Tropicana	Beliau memohon supaya keputusan bagi permohonan ini ditukar daripada ditolak kepada tangguh.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Metropark Sdn. Bhd.	<p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa semua keputusan Mesyuarat OSC adalah muktamad dan permohonan untuk menukar keputusan adalah tidak dibenarkan.</p> <p>Pemohon perlu mengemukakan permohonan semula dan perbincangan lanjut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar sebelum dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 11 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Puan Lee Jen Uyin	Masalah banjir di kawasan MBSJ	<p>Beliau memohon supaya Majlis menambah bilangan alat pengesan banjir di kawasan MPP yang menghadapi masalah banjir.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Teknologi Maklumat berbincang dengan Jabatan Kejuruteraan berkaitan cadangan lokasi pemasangan alat pengesan banjir tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Teknologi Maklumat</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 13 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.6 & m/s 7	Encik Mehanatan a/ Embamurthi	Cadangan Kadar Bayaran Petak Khas Kenderaan Berat Di Kawasan Parkir Kenderaan Berat Majlis Bandaraya Subang Jaya	<p>Beliau memohon supaya Majlis menangguhkan keputusan kertas cadangan ini dan membuat kajian serta perbincangan semula terhadap cadangan ini.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju menangguhkan keputusan bagi cadangan kadar bayaran petak khas kenderaan berat di kawasan parkir kenderaan berat MBSJ. Jabatan diminta membuat kajian semula terhadap cadangan kadar harga dan dibentangkan semula untuk kelulusan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Perbendaharaan</p>

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 13 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 24 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 9.4 & m/s 15	Puan Lee Jen Uyin	Kertas Cadangan Menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MBSJ bil.8/2024, Lab	Beliau mencadangkan semua Jawatankuasa menyediakan kertas cadangan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa utama di luar kawasan serta melaksanakan lawatan penandaarasan di agensi luar yang terpilih.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Penyelarasan Syarat-syarat Permohonan Lesen/Permit Serta Lawatan Kerja ke Majlis Bandaraya Alor Setar, Kedah	<p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan meminta urus setia mesyuarat membentangkan kertas cadangan serta mencari lokasi penandaarasan yang bersesuaian.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 24 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Pravin a/l Murali, wakil daripada Parti PKR.

Timbalan Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.


Tarikh Disediakan : 1 Julai 2024

" #KITASELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;



(ISMAIL BIN SALIM), P.J.K

Timbalan Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Pengerusi
Timbalan Datuk Bandar
2. Encik Ismail bin Salim, P.J.K. - Setiausaha
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

3. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
Mesyuarat
4. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
5. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Puan Ng Seow Chen - "
10. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
11. Encik Muhammad Fauzan bin Rosli - "
12. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
13. Encik Thomas Low Yew Sin - "
14. Tuan Ir. Balachandran Naicker - "

-
- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 15. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 16. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 17. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 18. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 19. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 20. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 21. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 22. | Encik Khairol Basri bin M.Arif | - | " |
| 23. | Encik Nanthakumar a/l Poapalan | - | " |
| 24. | Puan Sri Devi a/p Chenchiah | - | " |
| 25. | Encik Saidin bin Awang | - | " |
| 26. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|--|
| 27. | Tuan Hj. Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan |
| 28. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 29. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang |

30. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
31. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
32. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
33. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
34. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
35. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
36. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
37. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
39. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
40. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Pengarah, Unit Audit Dalam
41. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
42. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

43. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaai
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
44. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
45. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
46. Puan Noor Aini binti Saad
Penolong Pegawai Tadbir, Unit Integriti

URUS SETIA

47. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CEO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
2. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti